



Berlapang dada terima perbezaan

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada penduduk berbilang bangsa, agama, bahasa dan budaya. Kepelbagaian ini sudah tentu menjadikannya negara yang sangat unik.

Menurut perangkaan Jabatan Statistik Malaysia, populasi Malaysia sehingga 2014 mencapai 30 juta penduduk.

Statistik juga menunjukkan kumpulan terbesar rakyat terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India.

Penduduk peribumi di Semenanjung Malaysia atau lebih dikenali sebagai Orang Asli secara

umumnya terbahagi kepada tiga suku terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto.

Penduduk Sabah terdiri daripada 33 kumpulan peribumi dengan etnik majoritinya ialah Kadazan-Dusun manakala penduduk Sarawak terdiri daripada 27 kumpulan etnik dengan Iban sebagai etnik majoriti.

Dari segi kepelbagaian agama, walaupun Islam adalah agama Persekutuan, agama lain bebas diamalkan di Malaysia. Lebih 60 peratus daripada jumlah populasi Malaysia adalah beragama Islam.

Walaupun majoriti

mereka beragama Islam adalah Melayu, ia juga diamalkan oleh mereka yang berbangsa Cina, India, peribumi Sabah dan Sarawak serta Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Lain-lain agama diamalkan di Malaysia ialah Buddha, Kristian dan Hindu. Sebahagian masyarakat Cina mengamalkan Konfusianisme, Taoisme dan kepercayaan tradisional Cina yang lain. Ada juga sesetengah penduduk tiada agama.

Dengan kepelbagaian sedia ada sudah tentu cabaran terbesar ialah menyatukan hati mereka.

Struktur masyarakat berbilang bangsa dan agama ini mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mengalami keretakan hubungan serta mudah mengalami salah faham.

Masyarakat Malaysia seharusnya mampu untuk bertoleransi serta menghormati budaya dan kepercayaan agama masing-masing.

Toleransi bukan bermakna kita mengalah tetapi berlapang dada atau berfikiran terbuka untuk menerima perbezaan yang sedikit kerana masih ada banyak persamaan yang boleh dikongsi bersama.

Sikap bertolak ansur dan hormat-menghormati antara kaum seharusnya diterapkan ke dalam jiwa setiap anak sejak kecil lagi demi mengharmonikan interaksi antara kaum dan budaya.

Memahami budaya dan amalan agama ini akan meningkatkan rasa hormat sesama bangsa dan agama.

Selain itu, penerimaan sesebuah bangsa dan keturunan terhadap kehadiran bangsa lain perlulah dilihat dalam konteks penciptaan manusia itu sendiri.

Tuhan merencanakan penciptaan manusia dengan pelbagai bangsa, suku kaum, warna kulit dan bahasa berlainan sebagai satu daripada tanda kekuasaan-Nya.

Kepelbagaian ini bukan pula untuk berseteru tetapi agar saling berbaik dan

mengenali satu sama lain.

Justeru, sama-samalah kita seluruh rakyat Malaysia mengenali dan memahami sesama kita agar kita dapat bekerjasama secara lebih erat. Jauhilah sifat buruk sangka kerana ia tidak memberikan sebarang manfaat kepada mana-mana kaum.

Sikap toleransi dan saling menghormati antara kaum dan agama akan dapat membentuk satu keluarga Malaysia yang lebih ceria, harmoni dan mampu untuk bekerjasama. Malah, kesatuan yang jitu dapat menghindari sebarang ancaman dari dalam mahupun luar.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor di UPM